

Pembangking dicabar buktikan BR1M zalimi rakyat – TPM
Utusan Online
01 Mac, 2013

KOTA BHARU 1 Mac - Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pemimpin pembangkang menunjukkan daripada sudut mana pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dilihat zalim selepas lebih 60 peratus rakyat negara ini menerima nikmat bantuan itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, BR1M merupakan satu langkah saksama yang dibuat kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah berbanding subsidi yang turut dinikmati golongan kaya.

"Tahun ini di seluruh negara seramai tujuh juta penerima BR1M 2.0 dan jika termasuk suami, isteri dan anak-anak, lebih 60 peratus rakyat negara ini memperolehi nikmatnya.

"Jadi apakah ini satu perbuatan zalim, kerja firaun, haram, atau adakah ini sama dengan kita memberi makanan kepada ayam, itik dan lembu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan lebih 5,000 penduduk Mukim Tegayong pada Majlis Jamuan Rakyat di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130301/dn_34/Pembangking-dicabar-buktikan-BR1M-zalimi-rakyat---TPM